



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA LJT NO. 2/2024

**MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA	2
BAHAGIAN I : ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL.....	3
1. ARAHAN AM	3
2. TAFSIRAN	3
3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL	4
4. KEADAAN BARANG	4
5. TEMPOH JAMINAN / WARANTI.....	4
6. KOS SEBUT HARGA.....	4
7. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU.....	5
8. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN.....	5
9. SETUJU TERIMA.....	5
10. BON PERLAKSANAAN	6
11. PENGHANTARAN	7
12. LOKASI PELAKSANAAN	7
13. PEMERIKSAAN.....	7
14. PERAKUAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI.....	7
15. MENYERAH HAK PERKHIDMATAN.....	7
16. PENOLAKAN BEKALAN.....	8
17. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA.....	8
18. JADUAL BAYARAN	8
19. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA	9
20. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN.....	9
21. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN.....	10
22. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	10
23. ARBITRASI	11
24. KESALAHAN MAKLUMAT.....	11
BAHAGIAN II: CARA MENGEJEMUKAKAN BORANG SEBUT HARGA	12
1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA	12
2. PENYERAHAN SEBUT HARGA.....	13
3. TARikh TUTUP SEBUT HARGA.....	14
4. PERTANYAAN	14
BAHAGIAN III: BORANG SEBUT HARGA	15
BORANG I – BORANG AKUAN SEBUT HARGA	
BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA	
BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT	
BORANG IV – SURAT AKUAN PEMBEKAL	
BORANG V – RINGKASAN BEKALAN	
BORANG VI – BORANG SOAL SELIDIK PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL (LAMPIRAN A)	

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA

: LJT NO. 2/2024

TAJUK

: MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

Semua pembekal hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak LJT.

1.1. Tujuan Sebut Harga

- (a) Pelawaan sebut harga ini adalah untuk mendapatkan **peralatan dan perisian ukur untuk Lembaga Jurukur Tanah (LJT)**.
- (b) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah **kod bidang 100101**.

1.2. Tempoh Sebut Harga

- (i) Dokumen sebut harga hendaklah diserahkan dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat LJT, Tingkat 5, Wisma LJT, Lorong Perak Pusat Bandar Melawati 53100 Kuala Lumpur **SEBELUM ATAU PADA JUMAAT, 8 MAC 2024 JAM 12.00 TENGAH HARI**.
- (ii) Walau bagaimanapun, LJT berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembekal kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembekal dan LJT ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

1.3. Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact*

- 1.3.1. Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh pembekal, kesemua pembekal yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembekal (Borang IV) bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapat kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- 1.3.2. Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima oleh pembekal, pembekal yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat tawaran sebut harga. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembekal Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

BAHAGIAN I : ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL

1. ARAHAN AM

- 1.1.** Pembekal yang dijemput adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di dalam dokumen ini membolehkan tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan oleh LJT.**
- 1.2.** Pembekal yang ingin menyertai Sebut Harga ini dikehendaki membaca dan memahami dengan teliti mengenai pembekalan yang akan ditawarkan seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal dalam dokumen tawaran ini.
- 1.3.** Pembekal yang mengadapi masalah atau tidak memahami perkara-perkara yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga ini boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan dari Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Pembekal tidak berhak membuat apa-apa kenyataan bahawa mereka tidak mendapat maklumat mencukupi dari LJT.

2. TAFSIRAN

Dalam Dokumen Sebut Harga ini tafsiran bagi istilah yang berikut hendaklah digunakan, kecuali apabila konteksnya memerlukan berlainan maksud.

- 2.1. Bulan** - Hendaklah bermaksud bulan kalendar Gregorian
- 2.2. Dokumen Sebut Harga** - Dokumen ini berserta dengan lampiran-lampirannya.
- 2.3. Harga Perolehan** - Harga dalam Ringgit Malaysia yang patut dibayar kepada Pembekal bagi peralatan dan perisian yang lengkap dan sempurna yang telah dilaksanakan oleh Pembekal berdasarkan tanggungjawabnya terhadap Sebut Harga ini.
- 2.4. Hari** - Termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti am.
- 2.5. LJT** - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT).
- 2.6. Pembekal** - Individu atau syarikat yang dengannya perolehan dibuat untuk melaksanakan skop kerja kepada LJT menurut Dokumen Sebut Harga ini, pengganti dan wakil atau agen yang dilantik Pembekal.
- 2.7. Kontrak** - Satu perjanjian formal yang dipersetujui di antara pihak LJT dan Pembekal yang berjaya mengikut Akta Kontrak 1950.
- 2.8. Pihak Berkuasa Kontrak** - Sesiapa sahaja yang pada masa ini memegang atau melaksanakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi LJT atau mana-mana pegawai lain yang diberikan kuasa oleh beliau.

2.9. Premis - Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)

Aras 5-7, Wisma LJT,
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur.

2.10. Surat Setuju Terima (SST) - Surat yang dikeluarkan oleh LJT yang menyatakan akuan penerimaan cadangan Sebut Harga yang akan mengikat di antara LJT dengan Pembekal, tanpa mengira sama ada perjanjian perolehan sedang ataupun belum dilaksanakan.

2.11. Tarikh Penghantaran - Tarikh yang dipersetujui antara LJT dan Pembekal bagi perolehan ini ke premis LJT.

2.12. Waktu Kerja LJT - Tempoh masa antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat dan tidak termasuk apa-apa cuti umum yang diiktiraf di negeri Selangor.

3. KEPERLUAN KELAYAKAN PEMBEKAL

3.1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam **kod bidang 100101**.

3.2. Pembekal juga dikehendaki berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

3.3. Pembekal mestilah merupakan agen yang diiktiraf/ orang tengah bagi pembekal utama.

3.4. LJT berhak tidak mempertimbangkan atau menolak tawaran pembekal sekiranya tidak mematuhi keperluan mana-mana para hingga 3.3.

4. KEADAAN BARANG

4.1. Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

5. TEMPOH JAMINAN / WARANTI

5.1. Peralatan yang ditawarkan hendaklah merangkumi dengan tempoh jaminan tidak kurang daripada dua (2) tahun daripada tarikh penerimaan akhir / tarikh serahan.

6. KOS SEBUT HARGA

6.1. Pembekal mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran Sebut Harga. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

7. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 7.1. Semua tawaran harga yang dikemukakan pembekal pada **JADUAL TAWARAN HARGA (BORANG II)** hendaklah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** (termasuk semua cukai yang terlibat, jika ada) berdasarkan kepada format yang disediakan. Jadual tawaran harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk penghantaran, pemasangan dan lain-lain tugas).
- 7.2. Penilaian harga antara pembekal adalah berdasarkan kepada jumlah harga keseluruhan atau berdasarkan item-item yang ditawarkan atau harga setiap item yang paling kompetitif. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit setiap item akan diambil kira.
- 7.3. Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipindah selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku sebut harga iaitu selama **SEMBILAN PULUH (90) HARI** dari tarikh tutup sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh pembekal yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh kontrak dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 7.4. LT akan meminta Pembekal untuk menyambung tempoh pengesahan sebut harga tersebut sekiranya diperlukan. Permintaan ini dan maklum balasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- 7.5. Pembekal yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai sebut harganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebut harganya.

8. TEMPOH KONTRAK DAN PENERIMAAN TAWARAN

- 8.1. Tempoh kontrak adalah bermula dari tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani sehingga ke tarikh tamat obligasi yang terakhir.
- 8.2. Pembekal yang berjaya mestilah menyempurnakan perkhidmatan mengikut tempoh yang dipersetujui dan ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang ditandatangani.
- 8.3. Bagi kontrak kuantiti secara bermasa (sekiranya berkaitan), penghantaran bekalan adalah dalam tempoh penghantaran yang dipersetujui; atau mengikut item jika sekiranya melibatkan lebih daripada satu (1) jenis item dengan tempoh penghantaran yang berbeza; selepas menerima pesanan.

9. SETUJU TERIMA

- 9.1. Pelantikan dan penyerahan Surat Setuju Terima kepada pembekal yang berjaya akan dilakukan dalam tempoh satu (1) minggu selepas kelulusan LT atau sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mula kontrak.

- 9.2. Surat Setuju Terima itu bolehlah mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahaan syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian Sebut Harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai dipersetujui sehingga pengesahan bertulis daripada pembekal menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai itu adalah diterima.
- 9.3. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara LJT dengan pembekal itu mengikut syarat-syarat yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang diubahsuai yang tersebut itu, jika ada) dan tiadalah apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak itu.
- 9.4. Penyerahan semula Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani oleh pembekal yang berjaya **hendaklah** dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima.
- 9.5. Bon Pelaksanaan pula **hendaklah** dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** selepas penerimaan Surat Setuju Terima.
- 9.6. Kegagalan pematuhan penyerahan semula boleh menyebabkan pembatalan Surat Setuju Terima dibuat.

10. BON PERLAKSANAAN

- 10.1. Pembekal yang berjaya akan dikehendaki mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan untuk memastikan supaya Pembekal yang berjaya itu menjalankan kontrak mengikut syarat-syarat dalam kontrak. Nilai Bon Pelaksanaan yang dikenakan adalah seperti berikut.
- Bagi kontrak yang berjumlah RM200,000.00 dan tidak melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 2.5% daripada jumlah harga kontrak; dan
 - Bagi kontrak yang melebihi RM500,000.00 nilai Bon Pelaksanaan ialah 5% daripada jumlah harga kontrak;
- 10.2. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
- Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
 - Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

- v. Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- vi. Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

Tempoh sah laku bon pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

11. PENGHANTARAN

- 11.1. Penghantaran hendaklah dibuat terus ke premis LJT kecuali diarahkan oleh LJT sebaliknya. Pembekal hendaklah memberikan jadual penghantaran dengan menunjukkan masa untuk penghantaran. Jadual penghantaran tersebut hendaklah juga menyatakan masa yang diperlukan bagi penghantaran sepenuhnya.
- 11.2. Penyerahan / Penghantaran ini akan diperakui secara bertulis oleh LJT atau sesiapa sahaja yang diberikan kuasa oleh LJT. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermakna penerimaan muktamad. Penerimaan muktamad akan dimaklumkan secara bertulis oleh LJT.
- 11.3. Kos penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

12. LOKASI PELAKSANAAN

- 12.1. Semua pelaksanaan perlu dilaksanakan dilokasi seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal.

13. PEMERIKSAAN

- 13.1. LJT berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- 13.2. Pembekal hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

14. PERAKUAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

- 14.1. Pembekal dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan olehnya mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan.

15. MENYERAH HAK PERKHIDMATAN

- 15.1. Keseluruhan dokumen sebut harga yang dipersetujui oleh pembekal di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga pembekal tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian perkhidmatan-perkhidmatan kepada pihak ketiga. Berkaitan dengan yang sama, pembekal memberi akuanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah perkhidmatan ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada LJT.

16. PENOLAKAN BEKALAN

- 16.1. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- 16.2. Apabila diminta, pembekal hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada LJT segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- 16.3. Fasal-kecil (16.1) dan (16.2) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak LJT untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

17. KELEWATAN DAN LANJUTAN MASA

- 17.1. Setelah nyata bahawa pembekalan, pengujian dan pentauliahan terlewat, pembekal hendaklah memberikan notis bertulis tentang punca kelewatan kepada LJT.
- 17.2. Jika Pembekal yang berjaya tidak dapat menyempurnakan pembekalan, pengujian dan pentauliahan tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan mulai daripada tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani, dan jika LJT tidak pula membatalkan Sebut harga menurut kuasa yang diperuntukkan dalam syarat Dokumen Sebut Harga ini, maka Pembekal yang berjaya hendaklah membayar ganti rugi sebanyak RM300.00 bagi setiap hari atas kelewatan yang berlaku. Jumlah potongan boleh dibuat daripada mana-mana wang yang boleh dibayar kepada Pembekal yang berjaya menurut sebut harga ini dan juga sebut harga yang lain (jika ada) dengan LJT.
- 17.3. LJT berhak untuk menerima atau menolak sebarang perlanjutan tempoh yang diperlukan oleh Pembekal bagi pelaksanaan perolehan ini.
- 17.4. Bagi pelaksanaan pembekalan yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan pembekal seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahan laut atau yang seumpama, LJT boleh membenarkan perlanjutan tempoh penghantaran tersebut dengan syarat pembekal perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

18. JADUAL BAYARAN

- 18.1. Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 18.2. Pembayaran akan dibuat setelah pembekal mengemukakan invois yang telah disahkan oleh Pengurus Projek dan disertakan dokumen-dokumen penerimaan yang ditandatangani oleh LJT.
- 18.3. Invois bersama dokumentasi tersebut perlu dihantar ke LJT untuk tindakan pembayaran. Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan.
- 18.4. Pembayaran hanya akan dibuat sekiranya semua bekalan telah dilaksanakan dengan sempurna, sebagaimana yang telah dipersetujui dan disahkan oleh LJT mengikut harga yang dipersetujui atau harga per item, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- 18.5. Sekiranya pihak LJT tidak berpuas hati dengan pembekalan yang dilaksanakan atau bagi pembekalan yang tidak dilaksanakan, LJT berhak untuk tidak membuat pembayaran.

- 18.6. Sekiranya terdapat denda penalti yang dikenakan atas sebarang bekalan atau perkhidmatan, maka perlu diselesaikan terlebih dahulu bayaran denda tersebut (sekiranya tiada pengecualian denda) sebelum bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal.
- 18.7. Pembekal hendaklah mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penghantaran bekalan disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. LJT tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada syarikat jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh tersebut.

19. LJT BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA

- 19.1. LJT tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
- 19.2. LJT berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran sebut harga atau sebahagiannya. LJT juga berhak untuk mengubah spesifikasi sebut harga jika perlu.
- 19.3. Keputusan LJT adalah muktamad dan LJT tidak akan perlu memberi apa-apa alasan bagi sebarang penolakan mana-mana sebut harga.

20. PERBINCANGAN DAN PERTANYAAN

- 20.1. Sepanjang tempoh sebelum penyerahan sebut harga, Pembekal boleh meminta penjelasan dokumen sebut harga atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya daripada LJT. Sedapat yang mungkin pertanyaan hendaklah dibuat sekaligus bukan dibuat sedikit demi sedikit (piece-meal).
- 20.2. LJT akan berusaha untuk memberikan jawapan bertulis bagi semua pertanyaan dan jawapan tersebut bukan sahaja akan dikemukakan kepada Pembekal yang bertanya tetapi juga kepada semua pihak yang terlibat dengan syarat jawapan tersebut tidak melanggar (infringe) hak milik (proprietary) Pembekal yang bertanya. Dalam hal yang demikian pertanyaan yang boleh menimbulkan rasa tersinggung (offending) tidak akan dilayan.
- 20.3. LJT berhak untuk mengatur pertemuan dengan mana-mana Pembekal untuk mendapatkan penjelasan tentang perkara yang dinyatakan dalam cadangan sebut harga. Pertemuan tersebut akan dimaklumkan secara rasmi kepada Pembekal yang dimaksudkan dengan notis dalam masa yang singkat.
- 20.4. Jika Pembekal ingin menunjuk cara mana-mana aspek cadangan sebut harganya dengan menggunakan kelengkapan sesebuah organisasi lain yang bukan milik Pembekal, maka izin bertulis pihak organisasi itu mestilah diperolehi terlebih dahulu yang perlu diurus oleh Pembekal sendiri.
- 20.5. Maklumat yang diperoleh secara tidak rasmi tidak boleh dijadikan sebagai bahan sokongan bagi sesuatu cadangan yang dikemukakan, melainkan bahan/maklumat berkenaan dieproleh secara rasmi (permohonan bertulis kepada pihak Lembaga)

20.6. Sebarang pertanyaan hendaklah dirujuk kepada:

Urusetia Sebut Harga

Nama : Puan Norzailinda Binti Zainal Abidin
No Telefon : 03-41085191
Email : linda.za@ljt.org.my

Aspek Teknikal

Nama : Encik Muhammad Taufik bin Ismail
No Telefon : 03-41085191
Email : taufik.is@ljt.org.my

21. PINDAAN DAN PEMBATALAN BUTIRAN YANG DISEDIAKAN

21.1. Segala pindaan dan pembatalan butiran dalam borang-borang atau maklumat yang disediakan hendaklah ditandatangani oleh Pembekal.

22. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

22.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana pihak, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap mana-mana pihak dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.4. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

23. ARBITRASI

23.1. Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan tidak boleh diselesaikan dengan baik oleh kedua-dua pihak, dengan ini dalam masa tiga puluh (30) hari telah dirujuk kepada LJT, maka perkara itu, pertikaian atau tuntutan akan diputuskan oleh timbang tara sesuai dengan Peraturan Timbang Tara Pusat Timbang Tara Kuala Lumpur (KLRCA) sebelum seorang penimbang tara tunggal yang akan dicalonkan oleh KLRCA dan dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak dan akan berlaku di Kuala Lumpur dan apa-apa rujukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai dikemukakan kepada timbang tara dalam pengertian Akta Timbang Tara, 1952.

23.2. Prosiding timbang tara hendaklah dijalankan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau kedua-duanya apabila difikirkan perlu.

23.3. Keputusan dan penghargaan penimbang tara adalah muktamad.


24. KESALAHAN MAKLUMAT

24.1. Pembekal hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kos tambahan yang disebabkan oleh sebarang percanggahan ralat atau tidak dimasukkan dalam dokumentasi atau maklumat lain yang dibekalkan secara bertulis olehnya, sama ada ia telah diluluskan oleh LJT ataupun tidak, dengan syarat percanggahan, ralat atau maklumat yang tidak tepat telah dibekalkan secara bertulis kepada LJT oleh Pembekal.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



Dato' Indera Sr Ismail Bin Harun
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

Tarikh : 13/2/2024

BAHAGIAN II: CARA MENGEWAKKAN BORANG SEBUT HARGA

1. FORMAT MAKLUM BALAS SEBUT HARGA

- 1.1. Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat seperti yang ditentukan dan **ditaip/dicetak dengan kemas dan terang**. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, pembekal dibenarkan menaip/mencetak maklumat-maklumat itu di dalam kertas tambahan dan mestilah ditandatangani oleh pembekal. Sebarang pindaan dan pembatalan di dalam borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh pembekal dan diberi tarikh sebenar.
- 1.2. Dokumen Sebut Harga mestilah mengandungi dan mengikut susunan perkara-perkara di bawah. UT berhak untuk menolak sebarang cadangan Sebut Harga yang tidak mematuhiinya.

1.2.1. DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

- i. Senarai Semak
- ii. Surat Rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat e-mail, nombor telefon dan nombor faksimili yang boleh dihubungi berkaitan Sebut Harga ini.
- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan
- iv. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- v. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)
- vi. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terkini (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga)
- vii. Salinan Penyata Kewangan syarikat yang telah diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir; atau tahun kewangan sebelumnya jika tiada (sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga)
- viii. Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada)
- ix. Borang I (Borang Akuan Sebut Harga).
- x. Borang II (Jadual Tawaran Harga).
- xi. Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat)
- xii. Borang IV (Surat Akuan Pembekal)
- xiii. Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti surat sokongan dari prinsipal (jika ada).

1.2.2. DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

- i. Borang V (Ringkasan Bekalan) – Salinan bercetak (*Hard copy*)
- ii. Borang VI (Borang Soal Selidik Spesifikasi Teknikal) – Salinan bercetak (*Hard copy*)
- iii. Jadual Cadangan Pelaksanaan Pembekalan termasuk penyerahan dokumentasi.
- iv. Brosur / katalog peralatan dan perisian yang dicadangkan.
- v. Dokumen lain berkaitan (Jika ada)

- 1.3. Dokumen Tawaran Teknikal dan Dokumen Tawaran Kewangan termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **DUA (2) SAMPUL (BERLAKRI) YANG BERASINGAN**.
- 1.4. Pembekal hendaklah menghantar **SATU (1)** salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai “**ASAL**” dan **DUA (2)** salinan lain yang dilabel sebagai “**SALINAN**”.
- 1.5. Setiap cadangan Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat/bungkusan berlakri (*sealed*) dan ditandakan pada bahagian atas sampul/bungkusan itu seperti berikut:

**SEBUT HARGA LJT NO. 2/2024
CADANGAN KEWANGAN SEBUT HARGA**

DAN

**SEBUT HARGA LJT NO. 2/2024
CADANGAN TEKNIKAL SEBUT HARGA**

- 1.6. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlainan yang **BERLAKRI** dan **DITANDAKAN** di bahagian atas sampul surat itu dengan :

‘SULIT’
MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)
NO. SEBUT HARGA: LJT NO. 2/2024
LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

2. PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 2.1. Pembekal hendaklah menyerahkan tawaran Sebut Harga kepada LJT secara serahan manual dengan tangan ke Peti Sebut Harga yang disediakan pada atau sebelum masa yang ditetapkan.
- 2.2. LJT tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui serahan tangan.
- 2.3. Sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur**

- 2.4. Pembekal hendaklah menyerahkan tawaran Sebut Harga kepada LJT secara serahan manual dengan tangan ke Peti Sebut Harga yang disediakan pada atau sebelum masa yang ditetapkan.
- 2.5. Pembekal tidak boleh memasukkan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penyediaan Sebut Harga ini dalam Sebut Harga yang ditawarkan.
- 2.6. Pihak LJT berhak MENOLAK sebarang tawaran daripada pihak pembekal tanpa sebarang penjelasan sekiranya terdapat **SEBARANG PENGENALAN PEMBEKAL** di mana-mana Dokumen Tawaran Teknikal.

3. TARIKH TUTUP SEBUT HARGA

- 3.1. Sebut Harga akan ditutup pada jam **12.00 tengahari, Jumaat, 8 Mac 2024**. Sebut Harga hendaklah sampai ke LJT sebelum waktu dan tarikh tersebut.

4. PERTANYAAN

- 4.1. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada **Pn Norzailinda Binti Zainal Abidin** (Tel : 03-41085191)

BAHAGIAN III: BORANG SEBUT HARGA**SENARAI SEMAK****MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIANTUK UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEBUT HARGA: LJT NO. 2/2024**

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Pembekal	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
SYARAT AM			
1	Dokumen Tawaran Teknikal dan Dokumen Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam dua (2) sampul yang berasingan. Kedua-dua sampul tersebut dimasukkan dalam satu (1) sampul atau bungkusan semasa penyerahan di LJT.		
2	Pembekal hendaklah menghantar satu (1) salinan asal bagi kedua-dua dokumen di atas dan dilabel sebagai 'ASAL' dan dua (2) salinan lain yang dilabel sebagai 'SALINAN'.		
DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN			
3	SENARAI SEMAK penyerahan dokumen yang telah ditandatangani oleh Pembekal		
4	Surat rasmi Pembekal dengan keterangan mengenai nama, alamat, e-mel, nombor telefon dan nombor faksimili.		
5	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan		
6	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
7	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)		
8	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terkini (dari tempoh 3 bulan sebelum tarikh tutup sebut harga)		
9	Salinan Penyata Kewangan syarikat yang telah diaudit oleh Juruaudit Bertauliah bagi tahun kewangan terakhir; atau tahun kewangan sebelumnya jika tiada (sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tutup sebut harga)		
10	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai kedudukan kewangan syarikat termasuk kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank/Institusi Kewangan (jika ada)		
11	Borang I (Borang Akuan Sebut Harga)		
12	Borang II (Jadual Tawaran Harga)		

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Pembekal	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
13	Borang III (Borang Soal Selidik Syarikat)		
14	Borang IV (Surat Akuan Pembekal)		
15	Lain-lain maklumat atau dokumen sokongan seperti surat sokongan dari prinsipal (jika ada)		

DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL

16	Borang V (Ringkasan Bekalan) – Salinan bercetak (Hard copy)		
17	Borang VI (Borang Soal Selidik Spesifikasi Teknikal) – Salinan bercetak (Hard copy)		
18	Jadual Cadangan Pelaksanaan Pembekalan termasuk penyerahan dokumentasi.		
19	Brosur/ katalog peralatan dan perisian yang dicadangkan		
20	Dokumen lain berkaitan (Jika ada)		

PENGESAHAN OLEH PEMBEKAL Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____	UNTUK KEGUNAAN LJT Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada) Tandatangan : Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____ Tandatangan : Nama : _____ Jawatan : _____ Tarikh : _____
---	--

BORANG I – BORANG AKUAN SEBUT HARGA**BORANG AKUAN SEBUT HARGA**

Kepada:

Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
(u.p: Seksyen Pentadbiran)

Tuan,

**MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)
NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: LJT NO. 2/2024**

Merujuk kepada perkara di atas dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk Membekal Peralatan Dan Perisian Ukur Untuk Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) seperti mana yang terkandung dalam kontrak, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama Sebut Harga.

2. Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat seperti mana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Pembekal, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.
3. Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak Sebut Harga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari Sebut Harga lain atau sama. Sebut Harga ini akan sentiasa sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh penyerahan Sebut Harga.
4. Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima Sebut Harga ini untuk menyediakan penyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon.
5. Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam Sebut Harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan Sebut Harga.

Tandatangan Pembekal:

Nama:

No. KP :

Jawatan :

Nama dan alamat syarikat :

Tandatangan Saksi

Nama:

No. KP :

Jawatan :

Nama dan alamat syarikat :

Cop syarikat :

Tarikh :

Cop syarikat :

Tarikh :

BORANG II – JADUAL TAWARAN HARGA**JADUAL TAWARAN HARGA**

Bil.	Nama Item	Kuantiti	Harga seunit (RM)	SST (RM)	Jumlah harga seunit termasuk SST(RM)	Jumlah harga termasuk SST mengikut kuantiti (RM)
1	GNSS Receiver with accessories	1 set				
2	Total Station with accessories	3 set				
Jumlah keseluruhan (RM)						

Tandatangan Wakil Syarikat :

Nama wakil dan Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh:

BORANG III – SOAL SELIDIK SYARIKAT

BORANG SOAL SELIDIK SYARIKAT

A. PROFIL SYARIKAT

Arahan: Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebutharga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran Sebut Harga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. Nama Syarikat :
2. No. Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
3. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
4. Alamat Pendaftaran Syarikat:
.....
.....
5. Alamat Surat Menyurat:
.....
.....
6. No Telefon : No Faks :
7. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
8. Peratus Modal:.....% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
9. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera:hingga
10. Jenis Syarikat*: Perseorangan/ Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain
.....(Nyatakan)
11. Tempoh Sah laku tawaran Sebut Harga :

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham / Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat

- Sila potong yang tidak berkenaan.

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan	Warganegara
1.
2.
3.

Struktur Pengurusan Syarikat

Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

Bukan Eksekutif

Bil	Taraf	Bilangan K/Tangan	%
1.	Bumiputera
2.	Bukan Bumiputera
3.	Bukan Warganegara

B. PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

Rekod Sebut harga berkaitan yang diperolehi oleh syarikat dalam tahun 2021, 2022 dan 2023 (Salinan surat tawaran daripada syarikat/agensi berkenaan wajib disertakan untuk mengesahkan syarikat menerima sebut harga tersebut di atas)

Nama syarikat / Agensi serta lokasi	Jenis bekalan/perkhidmatan	Jumlah	Nilaian (RM)

Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan)

Nama :

Cop rasmii syarikat:

Tarikh :

BORANG IV - SURAT AKUAN PEMBEKAL

SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LT) SEBUT HARGA LT NO. 2/2024

(Perlu diisi dan ditandatangani oleh Pembekal)

Saya No Kad Pengenalan
yang mewakili Nombor Pendaftaran Syarikat dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LT atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pewakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Jurukur Tanah Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sokongan untuk dipilih dalam Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :

BORANG V – RINGKASAN BEKALAN

**MEMBEKAL PERALATAN DAN PERISIAN UKUR UNTUK LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)
SEBUT HARGA LJT NO. 2/2024**

Bil.	Nama Item	Kuantiti	Jenama	Model	Jaminan (tahun)
1	GNSS Receiver with accessories	1 set			
2	Total Station with accessories	3 set			

BORANG VI – BORANG SOAL SELIDIK SPESIFIKASI TEKNIKAL

(Sila rujuk Lampiran A)

SPESIFIKASI TEKNIKAL

GNSS

**BORANG VI - BORANG SOAL SELIDIK SPESIFIKASI TEKNIKAL UNTUK PEROLEHAN MEMBEKAL PERALATAN UKUR
BAGI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)**

No	Item	Mandatory (M)	Complied (YES / NO)	Remarks or Response by the Tenderer and Cross Reference to the appropriate section, paragraph and page number in the Tender Proposal. Additional marks would be given to detail description and additional useful information.
GENERAL SPECIFICATION				
1.0	Propose 1 Set GNSS Receiver with Accessories shall have the following specification:			
GNSS Receiver				
	Please Specify Brand:	M		
	Please Specify Model:	M		
	Please Specify Quantity:	M		
	Please Specify Warranty:	M		
GNSS CHARACTERISTICS				
	• Minimum 200 GNSS channels	M		
	• Support the following GNSS constellations or more :-			
	— GPS	M		
	— GLONASS	M		
	— BeiDou	M		
	— Galileo	M		
	— QZSS	M		
	• able to support for real-time correction services	M		
REAL-TIME ACCURACY (RMS)				
Real-Time Kinematic Position (RTK)				
	• Horizontal: 8 mm + 1 ppm or better (lower is better)	M		
	• Vertical: 15 mm + 1 ppm or better (lower is better)	M		
Network RTK				
	• Horizontal: 8 mm + 0.5 ppm or better (lower is better)	M		
	• Vertical: 15 mm + 0.5 ppm or better (lower is better)	M		

POST-PROCESSING ACCURACY (RMS)	
Physical Characteristics	
Static & Fast Static	
• Horizontal: 3 mm + 0.5 ppm or better (lower is better)	M
• Vertical: 5 mm + 0.5 ppm or better (lower is better)	M
I/O Interface must have following:-	
• Weight - 1.5kg or lighter	M
• RS232 port	M
• USB 2.0 port or better	M
• Bluetooth 2.1 or better	M
• WiFi (802.11 b/g/n)	M
• Support cellular mobile network	M
Operation Mode able to do following:-	
• Static and rapid-static observation	M
• RTK rover & base	M
• RTK network rover / VRS, FKP, MAC	M
• NTRIP, Direct IP	M
• Post-processing	M

1.1 CONTROLLER	
Please Specify Brand:	M
Please Specify Model:	M
Please Specify Quantity:	M
Please Specify Warranty:	M
SYSTEM	
• At least Quad-core or better	M
Memory	
• At least 2 GB RAM	M
• At least 8 GB ROM	M
• Able to insert MicroSDHC™ memory card	M
Operating System	
• Android® 7 (Google certified) or better	M
• Support Languages :English	M
COMMUNICATION	
• Support cellular mobile network	M
• WiFi (IEEE) 802.11 b/g/n	M
• Bluetooth 2.0 or better	M
• USB 2.0 port or better	M
User Interface Keyboard	
• Must have standard Android touch panel buttons, power button	M
• Must have On screen keyboard	M
ENVIRONMENTAL CHARACTERISTICS	
• Water & dust proof: IP67	M
• Free drop: 1.0 m on concrete or better	M
Power Characteristics	
• Battery 3100mAh or better	M
• Battery life: > 10 hrs or better	M

1.2 POST-PROCESSING SOFTWARE	
Please Specify Brand:	M
Please Specify Model:	M
Please Specify Quantity:	M
Please Specify Warranty:	M
CONTROL SURVEYING	
Can Confidently produce reliable control coordinates	M
• Able to create projects with a wide selection of coordinate systems and geoid models	M
• Able to review, edit and process GNSS observations	M
• Able to import, read and view RINEX data format	M
• Able to post-process static GNSS data	M
• Able to conduct network adjustment for network GNSS data	M
• Able to produce report from post-processing work	M
• Able to export GNSS data to other format	M
Accessories	
Heavy Duty Aluminium Tripod X 1	M
Tribach & Adapter X 1	M
Extended Pole X 1	M
Measuring Tape X 1	M
Pole & Bipod X 1	M
Hard Carrying Case X 2	M
Serial Cable / USB Cable X 1	M
Battery X 2 (only for removable battery devices)	M
Power Adapter or Battery Charger X 2	M
1.3 OTHER REQUIREMENTS	
<i>Training And Transfer Technology</i>	
Proposed number of pax:	M
Proposed number of days:	M
Proposed of Location	M

SPESIFIKASI TEKNIKAL
TOTAL STATION

**BORANG VI - BORANG SOAL SELIDIK SPESIFIKASI TEKNIKAL UNTUK PEROLEHAN MEMBEKAL PERALATAN UKUR
BAGI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LJT)**

No	Item	Mandatory (M)	Compiled (YES / NO)	Remarks or Response by the Tenderer and Cross Reference to the appropriate section, paragraph and page number in the Tender Proposal. Additional marks would be given to detail description and additional useful information.
GENERAL SPECIFICATION				
2.0 Propose 3 Unit Total Station with Accessories shall have the following specification:				
TOTAL STATION				
Please Specify Brand: M				
Please Specify Model: M				
Please Specify Quantity: M				
Please Specify Warranty: M				
ANGLE MEASUREMENT				
Accuracy 5" or better (lower is better) M				
Display resolution: 0.1" (0.1 mgon) M				
Circular level sensitivity: 6' / 2 mm M				
DISTANCE MEASUREMENT				
Range: Prism: Up to 3,500m, Long Range; > 10,000m M				
Range: Reflectories: Up to 500m M				
Accuracy: Prism: 1.0mm + 1.5 ppm M				
Accuracy: Non-prism: 2.0mm + 2 ppm M				
Telescope Magnification: 30x M				
Telescope Field of View: 1°30' / 1.66 gon / 2.7 m at 100 m M				
TELESCOPE				
Must be Image Erect M				
At least Magnification 30x or better (higher is better) M				
Field of view 1°30' or equivalent M				
Minimum focusing distance 1.5m M				

INTERFACE	
USB port	M
RS232 port	M
STORAGE	
Internal memory: 4 GB Flash	M
POWER	
Exchangeable Li-ion Battery	M
Operating time: up to 16 hours	M
ENVIRONMENTAL	
Dust and water protection IP66 or equivalent	M
Working temperature range: -20°C to +50°C	M
ACCESSORIES	
Total Station Hard Case X 1	M
Heavy Duty Aluminium Tripod X 2	M
Single Target Prism with Tribrach X 1	M
Mini Prism X 1	M
Ranging Pole X 1	M
Rechargeable Battery X 1	M
Battery Charger X 1	M
Serial Cable / USB X 1	M
2.1 OTHER REQUIREMENTS	
Training And Transfer Technology	
Proposed number of pax	M
Proposed number of days	M
Proposed of Location	M